

Kerajaan dekati pelajar elak hasutan pembangkang

BH 17 MAY 2000

IPOH, Selasa – Kerajaan tidak mempunyai pilihan selain memberi penjelasan kepada pelajar bagi mengelak mereka terus terpengaruh dengan fitnah serta pembongkaran pihak tertentu, terutama parti pembangkang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata penjelasan perlu diberikan kepada mereka kerana ada pihak didapati tidak menghormati kepentingan pelajaran mereka, sebaliknya terus menghasut.

“Dulu kita berpendapat kita tak harus ganggu penuntut baik di sekolah, baik di universiti.

“Malangnya ada pihak tertentu yang tidak menghormati kepentingan pelajaran penuntut, sebaliknya mereka ingin menghasut penuntut ini apabila membesar, akan memihak kepada mereka.

“Sehingga mereka sanggup hasut penuntut untuk bergiat dalam bidang politik,

merayu undi, menyebar fitnah serta menuntut supaya mengadakan demonstrasi dan ini merugikan kita,” katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, keputusan kerajaan memberi penjelasan kepada penuntut bukanlah kerana mahu berkempen, sebaliknya bertujuan memastikan penuntut tidak terus dihasut.

Menurutnya, parti kerajaan tidak ada niat nak berbuat perkara seumpama itu walaupun mempunyai kuasa yang boleh digunakan untuk kepentingannya.

“Namun demikian kita berpendapat bahawa oleh kerana mereka diselewengkan, maka parti kerajaan terpaksa adakan hubungan dengan penuntut dan memberi penjelasan.

“Bukan nak kempen, cuma memberi penjelasan supaya mereka tidak terpengaruh dengan fitnah dan pembong-

ngan pihak tertentu,” katanya.

Ditanya tindakan terhadap guru yang didapati menghasut pelajar sehingga menjadi kumpulan penentang kerajaan, beliau berkata:

“Kita perlu berhubung dengan guru untuk mengetahui apa masalah mereka, apa sebabnya yang mereka sanggup gadai masa depan anak kita kerana mara terhadap sesuatu.

“Sebab itu kita hendak supaya guru menjadi profesional, iaitu mereka menjalankan tugas tanpa mengambil kira apa-apa masalah diri sendiri, kepentingan diri sendiri, dengan itu kita akan dapat melahirkan generasi yang baik,” katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, ada antara penghasut membabitkan tokoh politik dan mereka inilah sepatutnya dipersalahkan.

Beliau berkata, guru sebenarnya tidak mempunyai

masalah dengan kerajaan, malah mereka diberi layanan yang cukup baik sehingga mereka yang tidak berjawatan juga diberi gaji.

“Apa lagi yang kita nak buat, layanan cukup baik, tapi ada orang yang datang menghasut untuk menyemai nilai yang buruk supaya apabila budak ini membesar esok, maka akan menyokong mereka dan dengan itu mereka dapat keuntungan politik. Yang ini yang jadi masalah,” katanya.

Mengenai kemungkinan kerajaan mengadakan majlis dialog dengan guru, Dr Mahathir berkata:

“Kita akan cuba berhubung dengan guru seberapa banyak yang boleh tetapi kita mempunyai hampir 300,000 guru.

“Pada peringkat saya ini nak kenajumpa semua guru tak upayalah, tapi setakat yang boleh, kita akan berteemu dengan pemimpin guru,

dengan guru tertentu.

“Kita tak hendak dera mereka. tak hendak ambil tindakan disiplin sangat ke atas mereka melainkan mereka melakukan sesuatu yang memburukkan sangat.”

Beliau berkata, apa yang lebih penting ialah menimbulkan perasaan tanggungjawab guru terhadap profesion mereka.

Ditanya kerajaan mungkin bekerjasama dengan kesatuan perguruan untuk memberi penjelasan, Dr Mahathir berkata:

“Kita tidak ada masalah dengan kesatuan. Saya rasa hubungan kita dengan kesatuan baik, dan pemimpin kesatuan pun.

“Cuepacs terdiri daripada guru juga dan kita selalu ada perjumpaan, mereka berterima kasih kepada kita, tetapi sukar baginya untuk mempengaruhi semua guru melainkan berkenaan soal-soal perjawatan saja,” katanya.